

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG**  
**[ WANGSA MAJU ]**  
**RUJUKAN : BL7 [PR-1331-T66099]**  
**SOALAN :**

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah status terkini bazarria di Danau Kota dengan wujudnya projek pembinaan di kawasan berkenaan, mengapakah tiada sebarang pemindahan gerai-gerai dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, projek pembangunan tapak baru peniaga-peniaga Bazaria Larut Malam Danau Kota dijangka bermula pertengahan tahun ini dan siap dalam tempoh 2 hingga 3 tahun lagi. DBKL telah merancang untuk melaksanakan penempatan semula peniaga Bazaria Larut Malam Danau Kota ke satu tapak di sebahagian tanah Kerajaan yang dikenali sebagai Plot A dan Plot B serta sebahagian tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Lot 27844 (Plot C) dan Lot 14264 (Plot D) di Mukim Setapak Kuala Lumpur.

Berikut adalah pecahan peniaga yang terlibat di dalam projek penempatan semula iaitu :-

<b>BIL.</b>	<b>LOKASI PENIAGA</b>	<b>BILANGAN (unit gerai)</b>
1.	Bazaria Larut Malam Danau Kota a) Tapak Persatuan Penjaja Setapak/Genting Klang b) Tapak KOBERA c) Tapak atas bukit (Tetuan Three S Service Sdn. Bhd)	543 unit (333) (30) (180)
2.	Gerai/bengkel di hadapan JPJ Wangsa Maju	49 unit
3.	Medan Aneka Jalan Genting Klang	20 unit
<b>JUMLAH</b>		<b>612 unit</b>

Bagi mendapatkan pandangan daripada peniaga terlibat, perjumpaan Datuk Bandar Kuala Lumpur bersama Penganjur Bazaria Larut Malam Danau Kota dan Persatuan Penjaja Dan Peniaga Kecil WPKL Cawangan Wangsa Maju/Setiawangsa telah diadakan pada 6 Januari 2014.

Hasil daripada perjumpaan tersebut telah memutuskan beberapa perkara iaitu :-

- i. DBKL akan menempatkan semula peniaga di tapak baru dengan susunan mengikut jenis perniagaan;
- ii. Pihak penganjur boleh mencadangkan masa operasi yang sesuai kepada DBKL untuk dipertimbangkan;
- iii. Stok barangan peniaga perlu disimpan di rumah kerana DBKL tidak menyediakan stor barangan di tapak baru;
- iv. DBKL tidak akan mengeluarkan lesen perniagaan pada warga asing; dan
- v. Pihak DBKL akan berbincang dengan pihak MRCB untuk membantu menempatkan pengusaha bengkel sedia ada di tapak projek ke tempat baru.